HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK (Versi Bahasa Inggeris)

Helaian Pendedahan Produk ini mengandungi maklumat umum tentang produk, yang tertakluk kepada perubahan mengikut budi bicara Bank.

Perniagaan dan Perbankan Korporat-i (BCB-i)

Produk: Jaminan Bank-i (BG-i)

Tarikh: / /

1. Apakah itu Jaminan Bank-i (BG-i)?

Jaminan Bank (BG-i) adalah instrumen undang-undang yang dilaksanakan oleh bank bagi pihak pelanggan yang memihak kepada benefisiari, biasanya Jabatan Kerajaan, pihak berkuasa berkanun atau lain-lain pihak ketiga yang berkaitan dengan kontrak yang dimeterai oleh pelanggan dengan benefisiari. BG-i yang dikeluarkan untuk jaminan residen mesti dibuat dalam denominasi Ringgit Malaysia.

Terdapat 2 jenis jaminan:

1. **Jaminan Kewangan-:**
   Ditakrifkan sebagai jaminan yang dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggannya, yang memihak kepada pihak ketiga dimana Bank bersetuju untuk membayar pihak ketiga sekiranya pelanggan tidak dapat membayar hutangnya kepada pihak ketiga bila mana tuntutan bayaran dibuat oleh pihak ketiga.
2. **Jaminan Bukan Kewangan-:**
   Secara am, ia diklasifikasikan sebagai jaminan prestasi bon. Jaminan tersebut dikeluarkan oleh Bank kepada pelanggan yang memihak kepada pihak ketiga, dimana Bank bersetuju untuk menanggung kerugian yang dialami oleh pihak ketiga apabila pelanggan gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang tertakluk dalam terma kontrak yang diimeterai oleh pelanggan bersama pihak ketiga.

BG-i adalah berdasarkan kontrak Syariah Kafalah bil Ujrah, di mana Bank sebagai penjamin bergabung dengan pihak yang dijamin dalam memikul liabiliti yang ditetapkan oleh pihak yang dijamin, dengan pengenaan yuran. Di bawah kontrak ini, Bank memberi jaminan untuk membayar sejumlah yang telah dipersetujui kepada satu pihak sekiranya pelanggan gagal atau lalai dalam memenuhi kewajipannya seperti yang tertakluk dalam syarat yang ditetapkan dalam jaminan.

Kelebihan – Apakah yang anda perolehi daripada produk ini?

- Instrumen aku janji pembayaran oleh penjamin (bank) atas liabiliti tertentu yang diperlukan oleh benefisiari tempatan atau asing untuk keperluan kontrak dalam RM atau mata wang asing sebagai ganti bayaran pendahuluan atau deposit.
- Bank membantu dalam menyemak kandungan di bawah jaminan sebelum dikeluarkan untuk melindungi kepentingan anda sebagai pemohon.

2. Ketahui Tangggungjawab Anda

Harga

- Pengeluaran Jaminan Kewangan: 0.175% sebulan atau sebahagian daripadanya atau kadar yang dinyatakan dalam Surat Tawaran (Minimum RM50.00, Tiada maksimum).
- Pengeluaran Jaminan Bukan Kewangan: 0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya atau kadar yang dinyatakan dalam Surat Tawaran (Minimum RM50.00, Tiada maksimum).
- Pengeluaran Margin Bawah Tunai: 0.10% sebulan atau sebahagian daripadanya atau kadar yang dinyatakan dalam Borang Permohonan Jaminan Bank-i terhadap Margin Tunai (Minimum RM200.00, Tiada maksimum).
- BG-i yang tidak boleh dibatalkan pada tarikh luput: Mengikut kadar untuk pengeluaran BG-i, yang dipohon dari tarikh luput sehingga pemulangan BG-i atau penerimaan surat pelepasan benefisiari BG-i, yang mana lebih awal.

Ilustrasi (Jaminan Bukan Kewangan)

- Amaun BG-i = RM500,000; Tempoh BG-i = 3 bulan
- Komisen pengeluaran BG-i: RM500,000 × 0.10% × 3 = RM1,500.00

Komisen untuk pengeluaran BG-i anda ialah RM1,500.00.

Adalah tanggungjawab anda untuk:

Membaca dan memahami harga serta terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian kemudahan dan/atau borang permohonan sebelum mengambil dan/atau menggunakan kemudahan tersebut.

Membayar komisen untuk tempoh jaminan penuh, termasuk tempoh dari tamatnya jaminan sehingga tarikh pemulangan jaminan untuk pembatalan (tempoh tuntutan).

Memberi kuasa kepada bank untuk mendebit akaun anda untuk pembayaran komisen, yuran dan caj, caj Bank atau Ejen dan semua wang yang dibayar atau yang mana Bank bertanggungjawab di bawah BG-i.

Mengesahkan bahawa barangan/perkhidmatan dan pihak gabungan / rakan niaga yang berkaitan dengan transaksi perdagangan tidak dibenarkan/dilarang/terhad dan selaras dengan sifat perniagaan syarikat anda.

Maklumkan kepada kami sebarang perubahan dalam butiran hubungan anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

Anda juga perlu membayar yuran dan caj lain-lain, jika berkenaan, mengikut senarai penuh yuran dan caj kami yang diterbitkan. https://www.hlisb.com.my/en/personal-i/help-support/fees-and-charges/trade-service-i.html

3. Ketahui Risiko Anda

Apakah yang akan berlaku jika anda mengabaikan kewajipan anda?

1) Caj Pampasan - Jika Bank membuat bayaran pendahuluan untuk memenuhi tuntutan BG-i, amaun yang tertunggak akan diklasifikasikan sebagai bil lewat tempoh dan ianya tertakluk kepada caj pampasan seperti dibawah:
   a) Jika anda ingkar pembayaran anda selepas tamat Tempoh Kemudahan, anda perlu membayar caj pampasan = Kadar Pasaran Wang Antara Bank-Bank Perbankan Islam ("IIMM") ke atas jumlah tertunggak (prinsipal tertunggak dan keuntungan terakru).
   b) Jika anda ingkar pembayaran anda, menyebabkan Kemudahan ditamatkan dan dibawa ke mahkamah, caj pampasan adalah = Sehingga 1% p.a ke atas baki tertunggak (Prinsipal tertunggak ditambah dengan keuntungan terakru).
   c) Untuk pembayaran ingkar selepas penghakiman mahkamah, caj pampasan = Kadar IIMM ke atas jumlah dasar penghakiman.

   (Nota: Caj pampasan dikira setiap hari & tidak boleh ditambah kepada Prinsipal tertunggak & tidak boleh lebih daripada Prinsipal tertunggak. Kaedah dan kadar pengiraan tertakluk kepada perubahan seperti yang ditetapkan oleh BNM.)
2) Kemudahan BG-i anda dan kemudahan perdagangan yang lain akan digantung serta-merta sebaik sahaja BG-i yang tertunggak ditukar kepada bil lewat tempoh.
3) Bank mungkin akan menolak selesai baki kredit yang terdapat di dalam akaun deposit anda di Bank bagi menjelaskan baki tertunggak selepas notis pemberitahuan bertulis selama tujuh (7) hari diberikan kepada anda.
4) Hak untuk memulakan pemulihan atau tindakan undang-undang:
   i. Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal membalas notis peringatan. Aset anda mungkin dirampas, dan anda perlu menanggung semua kos. Anda juga bertanggungjawab untuk menyelesaikan sebarang kekurangan selepas aset anda dijual.
   ii. Bank mempunyai hak untuk memulakan aktiviti pemulihan (termasuk melibatkan agensi kutipan hutang pihak ketiga), perampasan, dan prosiding kebankrapan.)
   iii. Tindakan undang-undang terhadap anda mungkin menjejaskan penarafan kredit anda menyebabkan kredit menjadi lebih sukar atau mahal.

Apakah risiko utama?

Anda mungkin terdedah kepada risiko tuntutan palsu atau tidak berasas yang dibuat oleh benefisiari. Ini kerana klausa dalam BG-i mungkin memerlukan bank membayar tuntutan tanpa membenarkannya dipertikaikan.

4. Terma Utama Lain

Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan penyelesaian kewangan?

Hubungi kami di: 03-7626 8899 / 03-7661 7777	**Lawati kami di:** www.hlisb.com.my/bcbi	**E-mel kami di:** HLOnline@hlbb.hongleong.com.my	**Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)** Tel: 03 - 2616 7766 https://www.akpk.org.my/smehelpdesk

Jika soalan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh kami secara memuaskan, anda boleh menghubungi:

HLISB	HLISB
Advokasi Pelanggan Tel: 03-7626 8821 / 03-76268802 / 03-76268812 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my	Advokasi Pelanggan Tel: 03-7626 8821 E-mel: customerservice@hlbb.hongleong.com.my

Maklumat yang diberikan dalam helaian pendedahan ini sah pada 31 Disember 2025.